

**MAJLIS PERASMIAN**  
**KURSUS PENGADIL DAN PENILAI PENGADIL PERSATUAN**  
**BOLA SEPAK MALAYSIA**

ANJURAN FIFA/FAM DENGAN KERJASAMA UniMAP

**Teks Ucapan**

***BRIG. JENERAL DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN***

**Naib Canselor**

**Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)**

pada 02 JUN 2011,

di Ballroom Hotel Seri Malaysia, Perlis.

Bismillah Hirrahan Nirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh, Salam  
Sejahtera dan Salam 1 Malaysia.

Yang Berbahagia Datuk Astaman Bin Abdul Aziz, Pengerusi  
Jawatankuasa Pengadil FAM merangkap Exco Member FAM.

Yang Berbahagia Dato' Seri Dr. Shahidan Kassim, Presiden  
Persatuan Bola Sepak Perlis.

Yang Berusaha En. Afizal Abu Othman, Pengarah Pusat  
Sukan UniMAP

Dekan-dekan, ketua-ketua Jabatan,

Wakil – wakil Media,

Seterusnya hadirin hadirat yang saya hormati sekalian.

Marilah kita bersama menadah tangan mengucap syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah dan keizinanNya, maka dapat kita berkumpul pada malam ini di Ballroom Hotel Seri Malaysia bagi meraikan peserta-peserta Kursus Pengadil dan Penilai Pengadil dari Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) dan FIFA.

Jutaan terima kasih saya titipkan buat Persatuan Bola Sepak Malaysia diatas kesudian bekerjasama dengan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) bagi penganjuran Kursus Pengadil dan Penilai Pengadil FAM/FIFA yang julung kali diadakan ini.

Tidak ketinggalan sekalung penghargaan diberikan kepada pihak sekretariat yang bertungkus-lumus bagi memastikan kelancaran perjalanan sepanjang kursus ini berlangsung. Terima kasih dan semoga ketulusan hati anda akan mendapat ganjaran yang setimpal daripada Allah S.W.T. Amin.

Hadirin sekalian,

Sukan bolasepak merupakan sukan berpasukan yang semakin meningkat popular di seluruh dunia, khususnya negara-negara Asia dan Afrika Selatan. Perkembangan sukan ini di rantau Asia adalah berhubung rapat dengan mutu pengadilan bolasepak. Hal ini bermakna bukan sahaja pemain-pemain yang menjadi perhatian, tetapi pengadil juga tidak terkecuali.

Dalam mana-mana perlawanan bolasepak, sebarang keputusan daripada pengadil tidak seharusnya menyebelahi mana-mana pasukan yang berentap. Sekiranya pengadil bersikap pilih kasih, ia bukan sahaja menyebabkan pemain utama dalam padang menjadi berang dan cenderung bertindak agresif, tetapi aktor-aktor di luar padang seperti jurulatih, pengurus pasukan, apatah lagi penyokong yang membeli tiket untuk menyaksikan perlawanan tersebut berasa kecewa.

Justeru itu, di sinilah kita dapat lihat di mana kepentingan komunikasi pengadil untuk mengawal keadaan di dalam padang. Persediaan mental adalah suatu aspek yang perlu diberi perhatian dalam persediaan seseorang Pengadil dalam menghadapi sesuatu perlawanan yang ditugaskan kepadanya selain dari persediaan fizikal.

Hadirin sekalian,

Atas kesedaran itulah, Persatuan Bolasepak Malaysia dengan kerjasama Universiti Malaysia Perlis bergabung tenaga menganjurkan Kursus Pengadil Dan Penilai Pengadil FIFA/FAM 2011 buat julung kalinya pada tahun ini. Hal ini sebagai salah satu usaha dalam mencari dan memperbanyakkan lagi pengadil-pengadil bertaraf antarabangsa untuk mengadili kejohanan di peringkat antarabangsa seperti World Cup.

Atas dasar itulah, kita menerima kehadiran tuan-tuan yang merupakan bakal pengadil dari seluruh Malaysia untuk menyertai kursus ini dan seterusnya menimba pengalaman, cabaran dan mempelajari teknik-teknik untuk menangani kejadian-kejadian yang tidak diingini berlaku di atas padang.

Untuk pengetahuan semua, UniMAP pernah mempunyai seorang kakitangan daripada Pusat Sukan di mana beliau pernah mengadili perlawanan bolasepak di peringkat antarabangsa khususnya World Cup iaitu arwah Kapten Abdul Halim bin Abdul Hamid. Oleh itu, saya percaya melalui penganjuran sebegini pasti kita akan menemui sebutir lagi bintang yang akan menaikkan nama pengadil Malaysia di persada antarabangsa.

Hadirin sekalian,

Rasanya tidak perlu untuk saya bercakap panjang pada malam ini. Walaupun penganjuran ini merupakan penganjuran kali pertama di antara FAM dengan UniMAP, harapan yang terbuku dihati saya ini tinggi menggunung untuk melihat kerjasama berterusan di antara pihak FAM dan pihak UniMAP dalam merencanakan program-program seperti ini di masa akan datang. Semoga dengan kerjasama ini dapat mengeratkan lagi hubungan diantara kedua-dua belah pihak di samping menaikkan dan menghasilkan produk-produk sukan berkualiti di arena kebangsaan seterusnya antarabangsa. Amin.

Dengan lafaz Bismillahi Rahmannir Rahim, saya dengan rasa sukacitanya merasmikan Majlis Perasmian Kursus Pengadil Dan Penilai Pengadil Persatuan Bola Sepak Malaysia.

Sekian. Terima kasih.